



SUMBER :	Utusan Melayu
TARIKH :	20-05-07
MUKA SURAT :	27

UiTM, UMP menang debat piala Tuanku Mizan

DUNGUN 21 Mei - Peserta debat dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu C dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) A memenangi pertandingan debat kategori bahasa Melayu dan Inggeris pada Pertandingan Debat Piala Tuanku Mizan Zainal Abidin di Dewan Aspirasi, UiTM Terengganu, di sini, semalam.

Dengan kemenangan itu, kedua-dua pasukan berjaya membawa pulang hadiah berupa piala pusingan, piala iringan dan hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengarah UiTM Terengganu, Prof. Madya Tengku Yusof Tengku Mahmood.

Selain itu pemenang juga mendapat hadiah berupa penginapan selama 2 hari 1 malam di Hotel UiTM, Terengganu.

Pada perlawanan akhir kategori debat ba-

hasa Melayu semalam, UiTM C yang dianggotai Zarul Azhar Nasir, Azni Mat dan Megat Meor Muhd Shariezel Noorman Fatahaman berjaya mengalahkan pesaing mereka iaitu pasukan UiTM A.

UMP A yang terdiri daripada G. Ramesh, Lim Jon Ann dan S. Sathiyam berjaya mengalahkan pasukan UiTM C untuk muncul juara pemenang kategori bahasa Inggeris.

Debat kali ke-7 anjuran Kelab Debat dan Pidato UiTM Terengganu ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kawasan pantai timur.

Peserta debat dari UiTM C, Zarul Azhar Nasir telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik kategori bahasa Melayu, pendebat terbaik acara akhir dan pendebat terbaik keseluruhan.

um/22.5.07/Amur/Selasa/PA.27



TENGGU Yusof Tengku Mahmood (berdiri lima dari kiri) bergambar kenangan bersama pemenang Pertandingan Debat Piala Tuanku Mizan Zainal Abidin di UiTM, Dungun, semalam.